



LAPORAN HARIAN STATUS KEJADIAN RABIES DI SARAWAK

24 OKTOBER 2017

1. DVS Sarawak telah menerima aduan dari KKM berkaitan kejadian kes rabies pada 30 Jun 2017 di mana 3 kes disahkan pada manusia di Serian Sarawak (1 kes di Kg Lebor dan 2 kes di Kg Paon Rimau Bakung).
2. Terdapat penemuan 4 kes rabies positif baharu dikesan oleh pihak VRI, Ipoh. Jumlah keseluruhan kes positif kekal sebanyak 53 kes dari 265 sampel yang telah diuji. Ini melibatkan lokasi kes positif sebanyak 26 kampung dari 4 Bahagian di Sarawak iaitu Serian, Sri Aman dan Kuching dan Samarahan.
3. Status terkini tindakan dan aktiviti DVS pada **23 Oktober 2017** adalah sebagaimana berikut:
 - a. Operasi pemantauan pasif dan aktif pada haiwan telah dilakukan dalam lingkungan 10km dari lokasi yang disahkan rabies dengan jumlah 545 ekor anjing dan telah diperiksa.
 - b. Operasi pemvaksinan telah dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang telah disahkan rabies dengan jumlah sebanyak 545 ekor anjing telah divaksin.
 - c. Sebanyak 29 ekor anjing dan 1 ekor kucing telah dimusnahkan dalam operasi pemusnahan yang dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies.
 - d. Aktiviti kempen kesedaran telah dijalankan di dalam 10 km radius dari kawasan yang telah disahkan rabies dengan penyertaan sebanyak 249 orang penduduk.
4. Secara keseluruhan sehingga **23 Oktober 2017**
 - a. Pemantauan pasif dan aktif di dalam lingkungan 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies dengan bilangan sebanyak 47,571 ekor haiwan (37,289 ekor anjing dan 10,282 ekor kucing) telah diperiksa.
 - b. Jumlah haiwan yang telah divaksin adalah sebanyak 40,433 ekor (32,529 ekor anjing dan 7,904 ekor kucing).

- c. Jumlah haiwan yang telah dimusnah sebanyak 1,129 ekor anjing dan 41 ekor kucing (disyaki Rabies).
 - d. Jumlah penyertaan dalam kempen kesedaran awam rabies adalah sebanyak 36,406 orang penduduk.
5. Sehingga kini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan sebanyak 25 kawasan jangkitan wabak rabies iaitu 20 di Serian, 1 di Sri Aman dan 4 di Kuching telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan.
 6. Seramai 50 orang petugas DVS telah digerakkan untuk tindakan aktiviti kawalan rabies.
 7. Jumlah keseluruhan sebanyak 260 sampel kepala haiwan (anjing dan kucing) yang disyaki rabies telah diambil dan diuji oleh VRI.

Disediakan:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

24 Oktober 2017.